



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 4/11/2019	MUKA SURAT	: 51
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: <b>PERHATIAN</b>		

# Bangkai gajah Pygmy ketiga ditemui

**Kinabatangan:** Bangkai seekor lagi gajah Pygmy Borneo ditemui di Sungai Kinabatangan, di sini pagi semalam.

Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Augustine Tuuga, berkata siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenalpasti punca kematiannya dan bila kejadian berlaku.

“Petugas Jabatan Hidupan Liar Sabah sudah membawa ke- luar bangkai gajah berkenaan supaya proses bedah siasat dapat dijalankan,” katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Augustine berkata, penemuan bangkai gajah berkenaan dimaklumkan oleh penduduk yang tinggal berhampiran lokasi kejadian.

“Setakat ini sukar untuk menentukan bila dan lokasi sebenar gajah itu mati kerana haiwan itu ditemui hanyut serta terapung di Sungai Kina-

batangan.

“Ini adalah penemuan bangkai gajah ketiga selepas dua kejadian di Sungai Dumps, Kalabakan (Tawau) pada 25 September lalu dan di sebuah ladang sawit di Beluran pada 19 Oktober lalu,” katanya.

**Setakat ini sukar untuk**

**menentukan bila dan lokasi sebenar gajah itu mati kerana haiwan itu ditemui hanyut serta terapung di Sungai Kinabatangan.**

*Augustine Tuuga, Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah*



*Bangkai gajah Pygmy ditemui di Sungai Kinabatangan.*